# PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2017

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**PERATURAN PEMARKAHAN**
**Kertas 2**
**Ogos 2017**
1 $^{2}/_{3}$ jam

**1223/2 PP**

**Satu jam empat puluh minit**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini juga tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud hidayah ialah :<br><br>- Cahaya petunjuk Allah SWT ke jalan kebenaran (1m) kepada orang yang dikehendaki (1m).</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua kesan hidayah kepada manusia :<br><br>- Berubah daripada seorang yang tidak beriman kepada beriman.<br>- Peningkatan ketara dalam ibadat yang dilakukan.<br>- Merasa gembira dan tenang menjalankan perintah Allah SWT dan membenci perbuatan maksiat.<br>- Tetap beriman sekalipun diseksa.<br>- Terdorong melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Sekiranya menjadi rakan kepada Salimah :<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu bukti sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Contoh jawapan :<br><br>Menutup aurat merupakan satu tuntutan agam (I-1m) kerana perkara ini telah termaktub dalam al-Quran dan hadis (H-1m). Kesannya orang yang menutup aurat akan mendapat hidayah dalam melakukan kebaikan dan mencegah diri daripada melakukan kemungkaran (HL-1m). Kesimpulannya hidayah perlu dicari dalam kehidupan seharian agar mendapat kebahagian hidup di dunia dan akhirat (K-1m).</td><td>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*b*) | (i) | Maksud واعملوا صالحا :<br><br>- Dan beramallah dengan amalan yang soleh. | 2m |
| | | (ii) | Dua hikmah memilih makanan yang baik terhadap diri :<br><br>- Membantu pertumbuhan badan yang sihat *(1m)* sepanjang masa *(1m).*<br>- Melindungi diri daripada serangan penyakit *(1m)* yang berbahaya *(1m).*<br>- Memelihara kewarasan akal fikiran dan kekuatan minda *(1m)* untuk berfikir tentang kebesaran Allah SWT *(1m).*<br>- Menjaga maruah diri *(1m)* daripada melakukan maksiat *(1m).*<br>- Mendapat pahala *(1m)* kerana mengamalkan sunnah Rasulullah SAW *(1m).*<br><br>**Catatan :**<br>- Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m<br><br>**Catatan :**<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Isi tanpa huraian =1m |
| | (*c*) | | Dua pengajaran daripada hadis di atas :<br><br>- Umat Islam hendaklah prihatin terhadap makanan dan minuman yang halal *(1m)* supaya mendapat keredhaan Allah SWT *(1m).*<br>- Kita hendaklah menghindari daripada makanan dan minuman yang haram seperti dadah dan arak *(1m)* agar hidup diberkati *(1m).*<br>- Umat Islam hendaklah berhati-hati membeli makanan dan minuman *(1m)* supaya tidak bercampur dengan benda-benda yang haram *(1m).*<br><br>**Catatan :**<br>- Mana-mana pengajaran yang berkaitan dengan hadis diterima.<br>- Ayat penyata = 1m. | 2 isi x 2m = 4m |

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| **2** | (*a*) | (i) | Maksud ٱللَّغْوِ :<br><br>- Perkara yang sia-sia. | 2m |
| | | (ii) | Dua ciri mukmin yang berjaya selain perkataan yang bergaris :<br><br>- Menunaikan solat dengan khyusuk.<br>- Mengeluarkan zakat.<br>- Menjaga kehormatan diri. | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | Dua pengajaran daripada ayat di atas :<br><br>- Kita hendaklah sentiasa menunaikan solat dengan khusyuk *(1m)* supaya diterima Allah SWT *(1m).*<br>- Umat Islam hendaklah menghindarkan diri daripada perkara-perkara lagha *(1m)* dengan melakukan perkara-perkara yang bermanfaat *(1m).*<br>- Setiap orang yang beriman mesti berazam *(1m)* untuk berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat *(1m).*<br>- Umat Islam hendaklah mengeluarkan zakat *(1m)* agar dapat memajukan ekonomi umat Islam *(1m).*<br>- Umat Islam hendaklah berusaha untuk menjadi mukmin yang sejati agar hidup diberkati oleh Allah SWT.<br><br>**Catatan :**<br>- Mana-mana pengajaran yang berkaitan dengan hadis diterima.<br>- Ayat penyata = 1m. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (*b*) | (i) | Dua kesan pengurusan masa yang tidak efektif terhadap seorang pelajar :<br><br>- Jiwa tidak tenang.<br>- Tidak disukai oleh rakan atau guru.<br>- Prestasi akademik merosot.<br>- Segala yang dirancang tidak akan berjaya dilaksanakan.<br>- Buang masa terhadap perkara yang tidak berfaedah.<br>- Sering melanggar peraturan dan disiplin sekolah. | 2 isi x 1m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Kepentingan masa sebagai sesuatu yang berharga dalam kehidupan seorang muslim : | 4m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Contoh jawapan :**

Caranya ialah dengan mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah *(I-1m)* agar masa tidak terbuang dengan begitu sahaja *(H-1m)*. Contohnya dengan mengulangkaji pelajaran bersama-sama rakan pada waktu lapang *(HL-1m).* Kesimpulannya, kita hendaklah menggunakan masa dengan bijak kerana, masa yang telah berlalu tidak akan kembali lagi *(K-1m).*

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*c*) | (iii) | Lengkapkan potongan ayat :<br>(i) E<br>(ii) B<br>(iii) A<br>(iv) C | 4 isi x 1m = 4m |

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua jenis kafir yang anda ketahui :<br><br>- kafir zimmi.<br>- kafir harbi.<br>- kafir mu’ahad.<br>- kafir musta’man.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara memberi layanan yang baik terhadap rakan bukan Islam di sekolah :<br><br>- Menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakan yang bukan Islam (1m) agar mereka melihat keindahan Islam (1m).<br>- Memberi bantuan dan pertolongan yang diperlukan (1m) bagi meringankan masalah yang dihadapi oleh mereka (1m).<br>- Menegur dan bertanyakan khabar kepada rakan yang bukan Islam (1m) supaya mereka rasa dihargai (1m).<br><br>Catatan :<br>- Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 2m = 4m<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Isi tanpa huraian =1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Pengajaran daripada ayat di atas :<br><br>- Umat Islam hendaklah memberi perlindungan kepada orang bukan Islam (1m) supaya agama Islam dapat disebarkan (1m).<br>- Umat Islam hendaklah menunjukkan teladan yang baik (1m) supaya agama Islam dipandang mulia (1m).<br>- Umat Islam hendaklah mengamalkan akhlak yang baik dalam pergaulan (1m) agar menjadi contoh pada orang lain (1m).<br>- Umat Islam hendaklah sentiasa memberi bimbingan dan nasihat sesama rakan (1m) supaya hidup dalam keadaan aman (1m).<br><br>Catatan :<br>- Mana-mana pengajaran yang berkaitan dengan ayat diterima.</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud : ولا تدابروا<br><br>- Dan jangan berpaling muka.</td><td>2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Cara untuk mengelak diri daripada bersifat dengki dengan kelebihan orang lain :<br><br>- Mengamalkan sikap tolong-menolong.<br>- Bertolak ansur antara satu sama lain.<br>- Memupuk kasih sayang antara satu sama lain.<br>- Bekerjasama dengan orang lain.<br>- Amar makruf dan nahi mungkar.<br>- Bersikap prihatin terhadap masalah orang lain. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (iii) | Aktiviti yang dapat dijalankan untuk memupuk perpaduan antara kaum :<br><br>**RUBRIK JAWAPAN :** | 4m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Contoh jawapan :**

Caranya ialah dengan mengamalkan budaya ziarah menziarahi ahli masyarakat yang ditimpa bencana *(I-1m)* akan dapat meringankan beban yang dihadapi *(H-1m)*. Sebagai contoh, menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran *(HL-1m)*. Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita hendaklah mengamalkan budaya ziarah menziarahi, agar dapat memupuk keharmonian dalam sesebuah negara *(K-1m)*.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*c*) | Pilihan jawapan A dan B | | |
| | | (i) | A | 1m |
| | | (ii) | B | 1m |
| | | (iii) | A | 1m |
| | | (iv) | B | 1m |

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| **4** | (*a*) | (i) | Dua nama lain bagi al-Quran :<br><br>- Al-Kitab.<br>- Al-Furqan.<br>- Al-Zikr.<br>- Al-Bayan. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua keistimewaan al-Quran :<br><br>- Mukjizat agung kepada Rasulullah SAW *(1m)* yang disampaikan melalui perantaraan Jibril alaihissalam *(1m).*<br>- Kandungan al-Quran lengkap *(1m)* merangkumi semua aspek kehidupan *(1m).*<br>- Ajarannya sesuai dilaksanakan *(1m)* untuk semua bangsa, di semua tempat dan pada bila-bila masa *(1m).*<br>- Terpelihara daripada sebarang perubahan *(1m)* hingga hari qiamat *(1m).*<br>- Tidak ada makhluk yang dapat menandingi keindahan bahasanya *(1m)* sekalipun oleh sasterawan negara *(1m).*<br>- Membimbing manusia menuju kebahagiaan *(1m)* di dunia dan di akhirat *(1m).*<br>- Setiap huruf yang dibaca dikira ibadat *(1m)* dan diberi pahala kepada pembacanya *(1m).*<br><br>**Catatan :**<br>- Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m<br><br>**Catatan** :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Isi tanpa huraian =1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Hujah menyangkal dakwaan al-Quran adalah lapuk.<br><br>**RUBRIK JAWAPAN :** | 4m |

| **Deskriptor** | **Skor** |
|---|---|
| Menyatakan satu bukti sahaja. | 1m |
| Menyatakan bukti berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3m |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Contoh jawapan :**

Al-Quran merupakan mukjizat teragung Rasulullah SAW. Dakwaan yang menyatakan kandungan al-Quran adalah lapuk dan tidak sesuai dengan zaman teknologi hari ini adalah tidak benar sama sekali kerana al-Quran merupakan salah satu tinggalan Rasulullah SAW sebagai wasiat kepada umatnya *(I-1m)* untuk dijadikan panduan hidup hingga ke akhir zaman *(H-1m).* Andainya al-Quran itu terhad pada satu-satu masa sahaja sudah pasti wasiat Rasulullah SAW ini tidak akan berlaku *(HL-1m).* Oleh sebab itu kita hendaklah yakin bahawa kandungan al-Quran tidak dibatasi oleh masa dan tempat, bahkan berpegang dengannya menjadikan kita dapat menguasai ilmu dunia dengan baik *(K-1m).*

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*b*) | (i) | A | 1m |
| | | (ii) | A | 1m |
| | | (iii) | B | 1m |
| | | (iv) | B | 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*c*) | | Menjawikan :<br><br>سأورڠ انق واجب منطاعتي كدوا ايبو باڤ سڤنجڠ ماس سكليڤون تيڠڬل برجاٴوهن دڠن مريك. كتيدقطاعتن كڤداڽ مڽببكن سأورڠ انق ايت دأڠڬڤ سباڬاي انق درهاك. | |

| Betul | M |
|---|---|
| 1 – 4 | 1m |
| 5 – 8 | 2m |
| 9 – 12 | 3m |
| 13 – 16 | 4m |
| 17 – 20 | 5m |
| 21 – 24 | 6m |

 © 2017 Hak Cipta BPSBPSK 

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| **5** | (*a*) | (i) | Dua golongan yang mempersendakan agama :<br><br>- Musyrikin.<br>- Munafiq.<br>- Murtad.<br>- A'si. | 2 isi x1m = 2m |
| | | (ii) | Dua cara mengelakkan diri daripada telibat dengan kumpulan yang mempersendakan agama :<br><br>- Mendalami ilmu agama sebaiknya *(1m)* terutama mengenai ilmu akidah *(1m).*<br>- Berdamping dengan para ulama /orang yang baik-baik *(1m)* agar amalannya menjadi ikutan / contoh *(1m).*<br>- Memperbanyakkan amal ibadat *(1m)* agar diri sentiasa takut untuk melakukan maksiat kepada Allah *(1m).*<br>- Menjauhkan diri daripada rakan-rakan yang mempersendakan agama *(1m)* agar diri tidak terikut-ikut dengan perbuatan mereka *(1m).*<br>- Berdoa kepada Allah SWT *(1m)* agar diri sentiasa terpelihara daripada perkara maksiat *(1m).*<br><br>**Catatan :**<br>- Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m<br><br>**Catatan :**<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Isi tanpa huraian =1m |

(iii) Harta dan pangkat boleh menjadi punca kepada mempersendakan agama. — 4m

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dsbnya. | 3m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Contoh jawapan :**

Harta dan pangkat boleh menjadi punca kepada mempersendakan agama dalam kalangan umat Islam apabila kedua-dua nikmat tersebut disalahgunakan *(I-1m)*. Hal ini akan berlaku apabila harta atau pangkat digunakan untuk menjatuhkan dan merendahkan martabat ajaran islamn *(H-1m)*. Contohnya, seorang pemimpin menggunakan hartanya untuk menaja program-program maksiat *(HL-1m)*. Kesimpulannya, harta dan pangkat boleh membantu meningkatkan syiar Islam atau menjatuhkannya bergantung kepada tahap iman pemiliknya *(K-1m)*.

(*b*) Hukum tajwid dan cara bacaannya :

| Bil. | Mim Mati | Cara bacaan |
|---|---|---|
| 1 | سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ | Jelas / nyata / tanpa dengung |
| 2 | تَأْتِيهِم مِّنْ | Dengung |
| 3 | رَبِّهِمْ إِلَّا | Jelas / nyata / tanpa dengung |

3 contoh hukum betul + 3 cara bacaan betul = 6 markah

**Catatan :**

Potongan kalimah : 1 markah
Cara bacaan : 1 markah

 © 2017 Hak Cipta BPSBPSK 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Menulis huruf sahaja atau kalimah tidak lengkap : 0m<br>- Tulis cara bacaan sahaja tanpa kalimah : 0m<br>- Dua kalimah digaris dan cara bacaaan betul : 2m<br>- Dua kalimah tidak digaris dan cara bacaaan betul : 2m<br>- Dua kalimah tidak digaris dan cara bacaan salah : 0m<br>- Dua kalimah tidak digaris dan tiada cara bacaan : 0m<br>- Dua kalimah digaris dan tiada cara bacaaan : 1m | |
| | (*c*) | *Tulisan jawi kepada rumi* : | | 4 x 1m = 4m |
| | | (i) | Mempelajari ilmu berkaitan al-Quran seperti ilmu tajwid merupakan tuntutan fardu ain. | |
| | | (ii) | Bersedekahlah biarpun dengan nilai dan kuantiti yang sedikit asalkan ikhlas di hati. | |
| | | (iii) | Antara doa yang lebih mustajab ialah doa orang yang dizalimi. | |
| | | (iv) | Amalan ziarah menziarahi sesama manusia sangat dituntut dalam Islam. | |
| | | **Catatan :**<br><br>- Setiap ayat yang betul diberi 1 markah.<br>- Kesalahan dikira pada perkataan - salah 1 hingga 3 perkataan diberi 1 markah.<br>- Kesalahan 4 dan lebih perkataan dalam satu ayat 0 markah.<br>- Calon yang menulis singkatan perkataan atau simbol seperti ( yg, dlm, adlh dan &) tidak diterima. | | |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**